

**Refleksi Warna Positif dan Warna Negatif dalam Naratif Pak Kaduk:  
Analisis Pragmatik**

*Reflection of Positive Colors and Negative Colors in Pak Kaduk's Narrative:  
A Pragmatic Analysis*

Muhammad Zaid Daud\*

[zaid.daud@utem.edu.my](mailto:zaid.daud@utem.edu.my)

Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Mary Fatimah Subet

[sufatimah@unimas.my](mailto:sufatimah@unimas.my)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Awang Azman Awang Pawi

[awangazman@um.edu.my](mailto:awangazman@um.edu.my)

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM)

\*Corresponding author: [zaid.daud@utem.edu.my](mailto:zaid.daud@utem.edu.my)

**Published:** 22 Disember 2024

**To cite this article (APA):** Daud, M. Z., Subet, M. F., & Awang Pawi, A. A. (2024). Refleksi warna positif dan warna negatif dalam naratif Pak Kaduk: Analisis pragmatik. *PENDETA*, 15(2), 149–164. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.11.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.11.2024>

### ABSTRAK

Pak Kaduk (PK) merupakan salah satu karakter dalam cerita rakyat yang sarat dengan unsur jenaka atau komedi. Cerita ini memiliki daya tarik yang tersendiri kerana dapat menghibur pendengar dan bahan ceritanya berakar pada kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Tujuan cerita jenaka adalah untuk memberikan hiburan, mengkritik anggota masyarakat, dan memberi pelajaran kepada pembaca. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis cerita jenaka Pak Kaduk dalam hal warna dan emosi. Dalam kajian ini, pengkaji akan menerapkan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995). Kajian ini adalah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan analisis dokumen sebagai metode penyelidikan. Data kajian diperoleh dari antologi Lukisan Zaman oleh Shari (1991) dan Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia oleh Puteh dan Said (2008). Hasil kajian menunjukkan bahawa bunga tanjung dan warna sebagai representatif konsep [KEPELBAGAIAN]. Penguatan elemen [KEPELBAGAIAN] ini dapat dikaitkan dengan variasi warna bunga tanjung yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat makna implisit yang melibatkan emosi Pak Kaduk melalui warna-warna yang pelbagai. Berdasarkan implikasi ini, pembaca dapat memahami bahawa [BERBUNGA TAJUNG] yang digunakan dalam naratif ini adalah untuk menyoroti konsep [KEPELBAGAIAN]. Selain itu, konteks warna bunga seperti warna [PUTIH] dan [KUNING] representatif makna yang positif, sementara warna [MERAH] dan [HITAM] membawa representatif makna yang negatif. Kesimpulannya, kajian ini juga menyoroti kritikan terhadap sikap seseorang yang harus menyembunyikan emosinya sebagai akibat daripada kesalahan yang dilakukannya sendiri.

**Kata kunci:** *Pak Kaduk; cerita jenaka; kepengarangan; emosi, warna; pragmatik*

### ABSTRACT

*Pak Kaduk (PK) is a prominent character in folk literature, particularly humorous stories, characterized by their comedic elements. These narratives frequently possess a profound impact on audiences, as they draw upon the experiences of traditional Malay communities. The primary intent behind crafting such humorous tales lies in providing entertainment, critiquing societal norms, and imparting moral lessons to readers. Thus, this study*

*endeavours to dissect Pak Kaduk's narrative style, focusing specifically on his use of colour and emotion. This qualitative investigation employs document analysis as its primary methodology, based on the reputable framework of Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986; 1995). The research data was obtained from two significant works, namely 'Lukisan Zaman' by Shari (1991) and 'Collection of 336 Malaysian Folktales' by Puteh and Said (2008). The findings reveal that the author uses cape flowers and colours as symbols of diversity, which encapsulates Pak Kaduks myriad emotions. The plethora of colours available in cape flowers serves to emphasize the notion of diversity, with each hue representing distinct emotional states. Notably, white, and yellow signify positivity, while red and black connote negativity. This study not only sheds light on Pak Kaduks storytelling techniques, but also provides insights into the societal critiques embedded within these narratives. It also shows how important it is to acknowledge and interpret the nuanced relationship between colour and emotion in folk literature.*

**Keywords:** Pak Kaduk; Malay jokes; authorship; emotions; colors; pragmatics

## PENGENALAN

Emosi dan warna saling berkait rapat dengan aspek psikologi dan budaya. Emosi adalah keadaan psikologi yang merangkumi perasaan, perubahan fisiologi dan tindakan ekspresif (Levenson, 2014; Kreibig, 2010; Thayer & Lane, 2009) Beberapa teori (Lazarus, 1991; Schachter & Singer, 1962; Cannon, 1927; Zajonc, 1984; Ekman, 1992) telah menyatakan bahawa emosi boleh diikatkan dengan persepsi, pengalaman, dan tindak balas terhadap situasi atau rangsangan tertentu. Hubungan emosi dan warna dapat diasosiasikan dengan warna kesedihan (*sadness*) – biru tua dan kelabu (Kwallek et al., 1996; Kaya & Epps, 2004), warna kegembiraan (*happiness*) – kuning cerah, jingga, dan merah jambu (Kaya & Epps, 2004), warna ketenangan (*calmness*) – hijau dan biru muda (Kwallek et al., 2004), warna marah (*anger*) – merah terang dan warna merah maroon (Waldez & Mehrabian, 1994), warna rasa ketakutan (*fear*) – hitam dan ungu tua (Waldez & Mehrabian, 1994), warna cinta (*love*) – merah jambu dan merah (Hemphill, 1996) dan warna tenaga/keterujaan (*excitement*) – jingga terang dan kuning terang (O'Connor, 2011).

Bertitik tolak daripada perbincangan sarjana-sarjana lepas mengenai warna dan emosi, kajian ini berpendapat wujudnya unsur emosi dan warna dalam teks sastera rakyat (cerita jenaka) masyarakat Melayu. Contohnya dalam cerita jenaka Pak Kaduk. Cerita jenaka Pak Kaduk juga telah dikaji (Ismail et al., 2018; Jabar, 2019; Jabar & Ghazali, 2021; Daud, Subet, & Pawi, 2023a, 2023b, 2023c, 2023d). **(Data kajian:** Apabila sudah, lalu diberikan kepada Pak Kaduk, maka ia pun segeralah memakai pakaian sedondon, yaitu **\*\*\*berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih\*\*\***, terlalu hebat rupanya, tambahan pula berkena tengkolok helang menyongsang angin). Naratif pada bahagian ini dapat dikaitkan juga dengan etika pemakaian Pak Kaduk. Naratif ini akan dianalisis makna dan interpretasinya. Pengarang juga telah menggunakan unsur flora untuk menyampaikan metaforanya. Perkara ini adalah tidak asing dalam penciptaan sastera rakyat, kerana mereka begitu akrab dengan alam sekitar seperti flora dan fauna (Jalaluddin, 2014). Penggunaan warna dalam imej perlambangan bunga tanjung turut mengandungi unsur implisit yang cuba disampaikan oleh pengarang. Maka, kajian ini bertujuan untuk menganalisis akal budi kepengarangan Pak Kaduk terhadap warna dan emosi. Satu teori yang berwibawa akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai Pak Kaduk telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas (Ismail et al., 2018; Jabar, 2019; Jabar & Ghazali, 2021; Daud, Subet, & Pawi, 2023a, 2023b, 2023c, 2023d). Kajian Jabar (2019) yang menganalisis tematik dalam cerita jenaka Melayu. Tema-tema ini memainkan peranan penting dalam memberi kesan kepada pembaca dan memperkaya pengalaman membaca cerita tersebut. Contoh data yang boleh digunakan termasuk analisis terhadap beberapa cerita jenaka Melayu. Contoh data dalam cerita Pak Kaduk, tema tidak berperikemanusiaan dapat dilihat melalui tindakan dan keputusan Pak Kaduk membunuh isterinya. Pak Kaduk dapat dijadikan contoh ikon yang kurang

kemanusiaan. Sikap ini terbukti melalui tindakan membunuh isterinya sendiri, yang telah banyak berkorban dan memberi sokongan kepadanya. Sikap ini tidak sesuai untuk dicontohi kerana ia mengabaikan nilai-nilai kemanusiaan. Pak Kaduk dijelaskan sebagai seseorang yang tidak memiliki nilai kemanusiaan kerana sanggup melakukan perbuatan yang merugikan dirinya sendiri. Hal ini bertentangan dengan keindahan karya dan nilai-nilai dasar yang sepatutnya disampaikan. Sebaliknya, kisah Pak Kaduk memberi pengajaran yang tinggi tentang sikap dan tingkah laku yang patut dicontohi atau tidak. Melalui pemahaman ini, masyarakat dapat menyedari pentingnya pendidikan dan kesedaran untuk tidak meniru sikap seperti yang ditunjukkan oleh Pak Kaduk. Kajian Jabar (2019) adalah analisis tematik akan melibatkan pemerhatian terhadap corak tema yang muncul secara berulang dalam cerita-cerita tersebut. Sebagai contoh, tema-tema seperti kebijaksanaan, keadilan, ketelusan, dan kejujuran mungkin menjadi titik fokus utama dalam cerita jenaka Melayu. Setiap tema tersebut akan dikaji dengan teliti melalui analisis naratif dan dialog, serta dipadankan dengan prinsip dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu tradisional. Selain itu, kajian Jabar (2019) juga dapat melibatkan perbandingan antara cerita-cerita yang melibatkan Pak Kaduk dengan cerita-cerita yang melibatkan watak-watak lain seperti Pak Pandir, Mak Andak, Mak Si Randang, Si Dadang, Si Luncai dan Mat Jenin. Kajian Jabar (2019) adalah pembentukan pemahaman yang lebih komprehensif tentang peranan Pak Kaduk dalam warisan cerita rakyat Melayu dan bagaimana watak tersebut memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai budaya dan moral kepada generasi seterusnya. Menurut Daud, Subet dan Pawi (2023b) pula dalam konteks isu semasa, nilai pengajaran dari kisah Pak Kaduk memperkuat seruan untuk membina masyarakat yang lebih inklusif, berempati, dan menghargai kepelbagaian. Maklumat tentang kepentingan nilai-nilai kemanusiaan dan mengelakkan sikap yang merugikan diri sendiri dan orang lain dapat membantu mengatasi konflik, meningkatkan kerjasama antara individu dan kumpulan, serta mendorong pembangunan sosial yang mampan. Tambah Daud, Subet dan Pawi (2023e) dengan memahami kisah Pak Kaduk dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya, masyarakat dapat menghadapi cabaran-cabaran isu semasa dengan lebih bijak dan bertanggungjawab secara moral.

Dalam kajian Jabar dan Ghazali (2021) mengenai penggunaan humor dalam cerita jenaka Melayu yang melibatkan watak Pak Kaduk adalah penting untuk memahami humor digunakan sebagai alat naratif yang berkesan dalam menyampaikan mesej moral dan kritikan sosial. Humor dalam cerita Pak Kaduk bukan sekadar menyediakan hiburan semata, tetapi juga merupakan cara yang cerdas untuk menyampaikan nilai-nilai dan pesanan moral kepada pembaca. Satira merupakan penggunaan humor yang luas untuk tujuan menghibur atau menyindir sesuatu isu. Ia sering kali mengandungi kritikan terhadap moral, sosial, atau politik, serta menyoroti kelemahan manusia untuk memberi kesedaran dan pembaikan. Bahasa sindiran dalam satira dapat disampaikan secara tidak langsung, sering kali melalui elemen komedi, untuk menciptakan kelucuan.

Dalam bidang linguistik, ujaran dalam konteks perbualan telah lama dikaji oleh ahli pragmatik (Sarudin, 2012; Zakeria & Affendi, 2014; Yaakub & Mohamed, 2018; Saimon & Hamzah, 2019; Ritos & Daud, 2020; Zainal et al., 2024; Ali & Daud, 2023; Yusof & Daud, 2023; Suradi & Daud, 2023, 2024) sementara kajian terhadap wacana tulisan lebih difokuskan oleh ahli stilistik (Adenan et al., 2019; Ramli & Kasim, 2023), terutama dalam teks kesusasteraan seperti puisi (Shahbudin, 2024; Sulaiman et al., 2023; Muhammad Apandi et al, 2022; Mohd Kiram & Raja Ariffin, 2016), drama (Hussain Chin et al., 2023; Jalal & Omar, 2015; Gaisun & Sujud, 2019; Derek, 2020), dan novel (Md Zain & Nik Muhamad Affendi, 2019; Salleh et al., 2023). Contohnya, dalam *Seloka Pak Kaduk*, walaupun terdapat elemen humor, namun pesannya mengenai kepentingan menggunakan akal budi dalam setiap tindakan dan keputusan tetap tersirat. Melalui sindiran halus seperti "mudik menongkah surut" dan "Hilir menongkah pasang", Pak Kaduk digambarkan sebagai sosok yang bertindak tanpa memikirkan konsekuensinya, mencerminkan kebodohan dan ketidakrasionalan. Hal serupa terjadi pada ujaran "Sauh dilabuh bayu berpuput", yang menyoroti kesalahan Pak Kaduk dalam mengambil keputusan ketika angin sedang bertiup, mengilustrasikan pentingnya pertimbangan rasional dalam tindakan. Pentafsiran terhadap satira memerlukan pemahaman mendalam serta kesedaran terhadap pesan yang tersirat di balik kata-kata. Satira bukan sekadar humor semata, tetapi juga sarana untuk memberikan pesan-pesan penting kepada masyarakat (Jabar & Ghazali, 2021). Maka, humor ini bukan hanya memberikan keseronokan kepada pembaca, tetapi juga membawa pesan moral tentang pentingnya nilai jujur dan bertanggungjawab. Selain itu, fokus utama kajian Daud et al. (2021) adalah untuk menganalisis kritikan sosial yang tersirat

dalam cerita jenaka Melayu yang melibatkan watak Pak Kaduk. Kritikan sosial ini sering dilihat dalam konteks politik di Malaysia. Kajian ini berpendapat watak Pak Kaduk digunakan sebagai medium untuk menyampaikan pesanan moral dan kritikan terhadap norma-norma sosial serta isu-isu semasa. Penggunaan humor dalam cerita Pak Kaduk bukan sekadar sebagai hiburan semata, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan mesej moral dan kritikan sosial dalam konteks politik di Malaysia.


Rumusannya, dalam kajian ini pula akan memperlihatkan warna dalam cerita Pak Kaduk yang digunakan secara simbolik untuk menyampaikan mesej yang lebih mendalam dan menggambarkan emosi serta suasana dalam cerita. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan warna dalam cerita jenaka Melayu yang melibatkan watak Pak Kaduk mempengaruhi persepsi pembaca terhadap emosi yang disampaikan. Melalui analisis kualitatif, kajian ini akan meneroka warna-warna yang digunakan dalam cerita mempengaruhi pengalaman emosi pembaca dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan warna terhadap naratif cerita. Pengaruh emosi terhadap interpretasi humor dalam cerita jenaka melayu sebagai kajian eksperimental. Melalui eksperimen psikologi, kajian ini akan menganalisis emosi yang berbeza seperti kegembiraan, kecewa, atau ketegangan mempengaruhi cara pembaca menafsirkan dan menikmati humor dalam cerita. Dalam masa yang sama kajian ini turut mengaplikasikan Teori Relevens oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995) supaya kajian ini akan dapat mengasosiasikan hubungan antara emosi, humor, dan warna.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif (analisis teks) sepenuhnya. Data kajian pula diperoleh melalui antologi *Lukisan Zaman* oleh Shari (1991) serta *Himpunan 336 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Puteh dan Said (2008). Satu teori yang berwibawa akan diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu Teori Relevens/TR (Sperber & Wilson, 1986). Teori ini menekankan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk terdapat, enam naratif yang dapat dijadikan data kajian, iaitu:

1. Etika pemakaian baju kertas Pak Kaduk
2. Sabung ayam Pak Kaduk dengan sultan/raja
3. Pemakanan Pak Kaduk
4. Pak Kaduk mengayuh sampan
5. Pak Kaduk membunuh isteri
6. Pak Kaduk berhijrah atau keluar kampung

Bagi skop dan batasan kajian ini, pengkaji akan menganalisis data berkaitan dengan etika pemakaian Pak Kaduk. Data tersebut adalah, Apabila sudah, lalu diberikan kepada Pak Kaduk, maka ia pun segeralah memakai pakaian sedondon, yaitu **\*\*\*berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih\*\*\***, terlalu hebat rupanya, tambahan pula berkena tengkolok helang menyongsang angin. Oleh sebab kajian ini adalah kajian kualitatif sepenuhnya, saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi, asalkan sampel yang dipilih memenuhi kriteria pensampelan (Liamputtong, 2014). Berikut merupakan tatacara analisis data **berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih**:



Rajah 1. Tatacara analisis data **berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih**

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis dimulakan dengan analisis eksplikatur – bentuk logik bagi memahami makna literal “berbunga tanjung merah, kuning, hitam dan putih”.

Jadual 1. Analisis eksplikatur – bentuk logik data “berbunga tanjung merah, kuning, hitam dan putih”

Eksplikatur	Bentuk Logik
<b>Berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih</b>	<p><b>Berbunga:</b> 1. Mempunyai (mengeluarkan) bunga; 2. berhias dengan gambar atau lukisan bunga; 3. Kata-kata yang indah; 4. Senyuman yang manis; 5. Mendapat (menghasilkan, mengenakan) bunga atau bayaran faedah; 6. Menampakkan tanda (akan terjadi, akan berhasil); 7. Berbunga (tayar); <b>Tanjung:</b> Hujung tanah yang menganjur ke laut (danau, sungai, dan lain-lain). <b>Merah:</b> Warna seperti warna darah; marah; gelaran untuk raja-raja kecil (penghulu). <b>Kuning:</b> Warna seperti warna kunyit (tembaga dan lain-lain); demam (sakit); tanda kebesaran raja atau orang bangsawan. <b>Hitam:</b> Warna seperti warna arang; dianggap tidak selamat kepada negara; nasib buruk; mencemarkan, memburuk-burukan (pangkat, nama dan lain-lain), <b>Putih:</b> Warna yang paling cerah (seperti warna kapas); bersih, murni, suci.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)</i></p>

### Analisis ensiklopedik “berbunga tanjung merah, kuning, hitam dan putih”

Ujaran yang disampaikan oleh pengarang mengenai data “berbunga tanjung merah, kuning, hitam dan putih” adalah seperti berikut:

Apabila sudah, lalu diberikan kepada PK, maka ia pun segeralah memakai pakaian sedondon, yaitu **\*\*\*berbunga tanjung, merah, kuning, hitam dan putih\*\*\***, terlalu hebat rupanya, tambahan pula berkena tengkolok helang menyongsang angin.

(Puteh & Said, 2008)

Pengarang cuba sampaikan “perasaan atau emosi PK yang bercampur baur” atau “perasaan atau emosi PK yang pelbagai” secara implisit melalui penggunaan simbol dan warna bunga tanjung. Proses ini akan menghidupkan maklumat pembaca mengenai frasa dan leksikal [BERBUNGA TANJUNG], [MERAH], [KUNING], [HITAM] dan [PUTIH], iaitu bentuk logik yang kemudiannya dikuatkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca. Proses penguatan ini dapat dipamerkan seperti yang berikut:

**Analisis ensiklopedik “berbunga tanjung”****Berbunga Tanjung: Analisis ensiklopedik**

\* NAMA SAINTIFIK: *MIMUSOPS ELENGI*

\* NAMA LAIN: BAULA (ORIYA), INDIAN MEDDALER, BULLETWOOD TREE, BAKULA, SPANISH CHERRY

\* KELUARGA: *SAPOTACEAE*

\* KEGUNAAN YANG PELBAGAI (PERUBATAN TRADISIONAL): RAWATAN RUAM YANG BERNANAH SERTA SAKIT GIGI DAN LUKA

\* KEGUNAAN YANG PELBAGAI (BUDAYA): HIASAN KEPALA MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL DAN INDIA

\* KEGUNAAN YANG PELBAGAI (EKONOMI): PENGHASILAN MINYAK WANGI

Analisis ensiklopedik "berbunga tanjong" adalah suatu proses menganalisis maklumat yang terdapat dalam ensiklopedia mengenai tumbuhan yang dikenali sebagai *Mimusops Elengi* atau berbunga tanjong. Dalam analisis seperti ini, menurut Daud (2024) pembaca akan mengambil setiap maklumat yang diberikan dengan lebih mendalam dan mengaitkannya dengan emosi, pragmatik, serta TR. Maka, pembaca akan mengeluarkan segala kemampuan ensiklopedik dalam pemikiran mereka. Contohnya, nama saintifik bagi bunga ini ialah *Mimusops Elengi*. Jika dikaitkan dengan emosi pula, mungkin terdapat perasaan kekaguman terhadap keindahan sains dan biologi kerana keunikan nama saintifik ini. Nama saintifik sering kali memancarkan kekuatan pengetahuan dan kajian saintifik yang mendalam. Dari sudut pragmatik pula penggunaan nama saintifik membolehkan kita mengenal pasti spesies tumbuhan dengan tepat. Ini penting dalam bidang perubatan, botani, dan kajian alam sekitar. Dalam konteks TR, penggunaan nama saintifik yang spesifik memudahkan komunikasi (Zainal Abidin & Daud, 2023) antara ahli sains dan peminat tumbuhan.

Terdapat juga nama lain bagi bunga ini seperti, *Baula* (Oriya), *Indian Meddaler*, *Bulletwood Tree*, *Bakula*, *Spanish Cherry*. Dari sudut emosi rasa kehairanan mungkin timbul apabila kita menyedari bahawa tumbuhan ini mempunyai banyak nama yang berbeza-beza bergantung kepada tempat dan budaya di mana ia ditemui. Ini juga mungkin membangkitkan minat untuk meneroka lebih lanjut mengenai kepelbagaian budaya. Maka, dari sudut pragmatik mengetahui pelbagai nama tempatan bagi tumbuhan ini penting apabila berinteraksi dengan masyarakat tempatan di kawasan di mana tumbuhan ini terdapat. Konsep kepelbagaian bahasa dan budaya dalam TR menekankan pentingnya kesesuaian dalam komunikasi. Pengetahuan mengenai pelbagai nama tempatan bagi tumbuhan ini memperluaskan lingkungan komunikasi pendengar.

Bunga tanjung ini dari keluarga – *Sapotaceae*. Jadi, dari sudut emosi mungkin ada rasa kagum terhadap kepelbagaian alam semesta dan hubungan yang kompleks antara tumbuhan dalam satu keluarga. Ini juga boleh membangkitkan perasaan ingin tahu mengenai kaitan evolusi dan sistem ekologi. Dari sudut pragmatik, pengetahuan mengenai keluarga tumbuhan ini membantu dalam klasifikasi botani dan pemahaman tentang sifat-sifat tumbuhan dalam kumpulan yang sama. Dalam TR pula, konsep sistem klasifikasi menggariskan kesesuaian antara makna dan konteks. Pengetahuan mengenai keluarga tumbuhan ini memudahkan komunikasi dalam konteks botani dan sains alam. Bagi masyarakat Melayu tradisional, pengetahuan mengenai keluarga tanaman mungkin mempengaruhi kepercayaan tradisional mereka terhadap sifat-sifat atau kegunaan tanaman.

Selain melihat maklumat ensiklopedik (sudut sains botani dan ekologi). Terdapat juga konsep BERBUNGA TANJUNG dalam penggunaan yang pelbagai sebagai contoh dalam perubatan tradisional. Bunga Tanjung juga boleh digunakan sebagai rawatan ruam yang bernanah serta sakit gigi dan luka. Jika, dikaitkan dengan emosi, mungkin terdapat rasa terharu atau rasa kagum terhadap kebijaksanaan tradisional masyarakat yang telah mengenal pasti kegunaan perubatan tumbuhan ini untuk merawat penyakit-penyakit tertentu. Dari sudut pragmatik, pengetahuan mengenai kegunaan perubatan tradisional tumbuhan ini memberi pilihan rawatan alternatif, terutamanya bagi mereka yang mencari kaedah rawatan yang semula jadi dan berkesan. Dalam TR pula, kegunaan perubatan tradisional tumbuhan ini menggariskan hubungan antara makna dan tujuan. Kepentingan kegunaan

perubatan tradisional ini memperkukuhkan kerelevanan maklumat tersebut dalam konteks kesihatan dan perubatan.

Selain itu, konsep kegunaan yang pelbagai dari sudut budaya pula dapat dikaitkan dengan hiasan kepala masyarakat Melayu tradisional dan India. Dari sudut emosi, mungkin terdapat rasa bangga atau kebanggaan terhadap warisan budaya yang kaya dan keindahan seni hiasan tumbuhan ini dalam budaya tradisional masyarakat Melayu dan India. Pengetahuan mengenai penggunaan tumbuhan ini sebagai hiasan kepala memperkukuhkan identiti budaya dan mewarisi tradisi seni hiasan dari generasi ke generasi. Konsep kebudayaan dan warisan dalam TR menekankan pentingnya penyampaian maklumat yang sesuai dengan konteks budaya. Pengetahuan mengenai penggunaan tumbuhan ini sebagai hiasan kepala menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kebudayaan Melayu dan India. Sebagai hiasan kepala dalam masyarakat Melayu tradisional dan India, tanaman ini mungkin dikaitkan dengan nilai-nilai kecantikan dan keanggunan. Penggunaan tanaman ini sebagai hiasan mungkin membangkitkan rasa identiti budaya dan tradisi dalam masyarakat Melayu.

Dalam masa yang sama BUNGA TAJUNG dapat juga dikaitkan dengan kegunaan yang pelbagai dari sudut ekonomi. Sebagai contoh, penghasilan minyak wangi. Mungkin terdapat rasa tertarik atau minat terhadap potensi ekonomi tumbuhan ini sebagai sumber pendapatan alternatif dalam industri minyak wangi. Pengetahuan mengenai penghasilan minyak wangi dari tumbuhan ini memberi peluang untuk pengembangan ekonomi tempatan dan penjana pendapatan bagi komuniti yang terlibat. Dalam TR, konsep kepentingan ekonomi menekankan kesesuaian antara makna dan kepentingan praktikal. Pengetahuan mengenai potensi ekonomi tumbuhan ini memperkuat relevansi maklumat tersebut dalam konteks pembangunan ekonomi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Kepentingan ekonomi dalam masyarakat Melayu tradisional, terutamanya jika mereka terlibat dalam aktiviti perniagaan atau pertanian.

Analisis ensiklopedik tentang berbunga tanjung menyoroti kepelbagaian kegunaan tanaman ini dalam konteks masyarakat Melayu tradisional. Dari aspek nama, keluarga, kegunaan tradisional, budaya, dan ekonomi, tanaman ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti dan kehidupan masyarakat Melayu tradisional.

### **Analisis ensiklopedik WARNA POSITIF - “kuning” dan “putih”**

#### **Kuning: Analisis ensiklopedik**

- \* WARNA ASAS DAN WARNA PANAS
- \* WARNA DIRAJA (DIKAITKAN DENGAN SULTAN-SULTAN MELAYU)
- \* MENEGASKAN KESEDIAAN ORANG MELAYU KEPADA RAJA-RAJA MEREKA.
- \* EMOSI ATAU PERASAAN YANG PELBAGAI: PERSAHABATAN, KESIHATAN, PENGHORMATAN
- \* MAKNA KEPADA PAKAIAN: AKTIF, SENANG, TERBUKA
- \* DIASOSIASIKAN DENGAN ELEMEN MEMPERBAIKI PERHUBUNGAN YANG RENGGANG

Analisis ensiklopedik tentang warna kuning menunjukkan aspek-aspek yang mendalam dan relevan dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu tradisional, dengan hubungan yang kuat dengan emosi, pragmatik, dan teori relevans.

Warna Asas dan Warna Panas: Warna kuning tidak hanya dianggap sebagai warna panas tetapi juga merupakan warna asas dalam kebudayaan Melayu tradisional. Penggunaan warna kuning sering dikaitkan dengan semangat dan keceriaan dalam budaya Melayu. Ini menggambarkan bahawa warna kuning tidak hanya memberikan perasaan hangat tetapi juga merangkumi keceriaan yang mendalam dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk, warna kuning mungkin digunakan untuk menyampaikan suasana yang riang dan penuh semangat.

Warna Diraja: Hubungan warna kuning dengan sultan-sultan Melayu menunjukkan penghormatan dan keagungan terhadap institusi kesultanan dalam masyarakat Melayu. Penggunaan warna kuning dalam

lambang-lambang diraja menonjolkan nilai-nilai tradisi dan kesatuan dalam masyarakat Melayu tradisional. Ini menggambarkan warna kuning sebagai simbol keagungan raja dan kestabilan politik serta sosial dalam masyarakat. Dalam konteks pragmatik, penggunaan warna kuning dalam lambang-lambang diraja juga dapat mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap keagungan dan kesatuan institusi kesultanan.

Emosi atau Perasaan yang Pelbagai: Warna kuning dikaitkan dengan emosi positif seperti persahabatan, kesihatan, dan penghormatan. Warna kuning dapat meningkatkan *mood* dan memberikan perasaan keceriaan serta kehangatan dalam interaksi sosial. Dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, penggunaan warna kuning dalam konteks kebudayaan dan perayaan mungkin memberikan kesan emosional yang positif dan menggembirakan.

Makna kepada Pakaian: Warna kuning dalam pakaian mencerminkan sikap aktif, senang, dan terbuka dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Pakaian tradisional Melayu yang berwarna kuning sering kali digunakan dalam acara-acara keagamaan dan perkahwinan sebagai simbol kegembiraan dan harapan. Penggunaan warna kuning dalam pakaian juga dapat memberikan kesan pragmatik yang positif, seperti menarik perhatian dan menciptakan suasana yang cerah dalam acara-acara sosial.

Diasosiasikan dengan Memperbaiki Perhubungan yang Renggang: Warna kuning juga diasosiasikan dengan usaha memperbaiki perhubungan yang renggang. Warna kuning sering kali digunakan dalam seni terapi untuk merangsang perasaan harmoni dan kekayaan sosial dalam komuniti. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, penggunaan warna kuning dalam seni atau perayaan mungkin dianggap sebagai strategi untuk menyelesaikan konflik dan memperkuat perhubungan antara individu atau kelompok.

Dengan demikian, analisis mendalam tentang warna kuning dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu tradisional menunjukkan hubungan yang kompleks dengan emosi, pragmatik, dan teori relevans. Penggunaan warna kuning dalam berbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu tradisional tidak hanya menggambarkan keceriaan dan semangat, tetapi juga mengandungi nilai-nilai tradisi, penghormatan, dan keagungan yang mendalam.

### **Putih: Analisis ensiklopedik**

\* EKSPRESI WARNA DALAM EMOSI: KEMURNIAN, TIDAK BERSALAH, PERHATIAN DAN KESETIAAN

\* HUBUNGAN: PERKAHWINAN

\* WARNA YANG MEMPUNYAI KECERAHAN PALING TINGGI; TIDAK MEMPUNYAI RONA

\* DALAM BIDANG SAINS: WARNA ASAS CAHAYA

\* KONTEKS PEPERANGAN: MENYERAH KALAH, KEDAMAIAN SEMENTARA

Analisis ensiklopedik mengenai warna putih memberikan gambaran yang mendalam tentang maknanya dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, serta hubungannya dengan emosi, pragmatik, dan teori relevans, termasuk dalam konteks cerita jenaka Pak Kaduk:

Ekspresi Warna dalam Emosi: Warna putih melambangkan kemurnian, ketiadaan kesalahan, perhatian, dan kesetiaan. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk, warna putih mungkin diasosiasikan dengan kebaikan hati dan niat yang jujur, memberikan rasa kesejahteraan kepada pembaca atau pendengar. Misalnya, Pak Kaduk yang bersifat jujur dan baik hati mungkin digambarkan atau dihubungkan dengan warna putih dalam cerita.

Hubungan dengan Perkahwinan: Warna putih sering kali dikaitkan dengan institusi perkahwinan dalam masyarakat Melayu tradisional. Penggunaan warna putih dalam pakaian pengantin atau hiasan perkahwinan menunjukkan kesucian dan keharmonian dalam hubungan tersebut. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk, tema perkahwinan atau hubungan keluarga yang harmoni mungkin dipaparkan melalui penggunaan warna putih dalam konteks perayaan perkahwinan atau persahabatan.



Warna yang Memiliki Kecerahan Paling Tinggi: Warna putih memiliki kecerahan paling tinggi dan tidak mempunyai rona. Ini menyimbolkan ketelusan dan kejelasan dalam masyarakat Melayu tradisional. Dalam konteks pragmatik, warna putih mungkin digunakan dalam komunikasi visual untuk menunjukkan kejujuran atau kebersihan. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk, warna putih mungkin digunakan secara simbolik untuk menonjolkan kejujuran atau ketelusan dalam watak-watak cerita.

Dalam Bidang Sains: Warna putih juga merupakan warna asas cahaya dalam bidang sains. Dalam konteks teori relevans, ini menggambarkan kejelasan atau kebenaran yang mendasari sesuatu konsep. Dalam cerita jenaka Pak Kaduk, warna putih mungkin diasosiasikan dengan kebenaran atau pemahaman yang jelas terhadap situasi atau peristiwa yang terjadi.

Konteks Peperangan: Warna putih dalam konteks peperangan mungkin menunjukkan tanda keserah-kalahan atau perdamaian sementara. Dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, perang dan perdamaian merupakan dua aspek yang penting. Penggunaan warna putih dalam konteks ini mungkin merujuk kepada keinginan untuk mencapai kesepakatan damai atau menunjukkan ketidakberpihakan dalam konflik.

